

# COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION

Glycol Salicylate 2.5% w/v, l-Menthol 3.0% w/v

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION
2. Bagaimana COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION berfungsi
3. Sebelum menggunakan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION
4. Cara menggunakan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION
5. Semasa menggunakan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION

COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION digunakan untuk melegakan ketegangan leher dan sakit bahu, sakit belakang, sakit otot, lebam, terseliuh dan sakit sendi.

## Bagaimana COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION berfungsi

COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION mengandungi bahan-bahan aktif Glycol Salicylate 2.5% w/v dan l-Menthol 3.0% w/v.

**Glycol Salicylate** ialah derivatif salicylic acid digunakan sama seperti methyl salicylate dalam persediaan rubefacient topikal untuk melegakan sakit otot dan reumatik.

**l-Menthol** adalah sejenis bahan organik yang wujud secara semula jadi dalam tumbuh-tumbuhan pudina, tetapi ia juga boleh dibuat secara sintetik. Tindakan utama menthol

adalah merangsang reseptor deria dan bertindak sebagai perengsa balas.

Apabila menthol digunakan pada kulit, ia mengembangkan saluran darah dan menyebabkan rasa sejuk diikuti oleh kesan analgesik.

## Sebelum menggunakan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION:

- Pada pesakit yang mempunyai sensitiviti terhadap aspirin dan salisilat.
- Jika anda alah terhadap mana-mana bahan yang terkandung di dalam ubat ini.
- Pada kanak-kanak berumur bawah 2 tahun.

- Sebelum mula menggunakan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda:

- Jika anda alah kepada Glycol Salicylate atau l-Menthol; atau jika anda mempunyai sebarang alahan lain.

## Kehamilan dan penyusuan badan:

- Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum pengambilan ubat ini sekiranya anda hamil atau menyusu badan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa ubat lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

## Cara menggunakan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION

Sapu sekadar yang perlu di bahagian yang terlibat. Urut sehingga meresap ke dalam kulit.

- Berapa banyak harus digunakan

**Dewasa:** Gunakan 2 atau 3 kali sehari.

Rujuk kepada doktor anda sekiranya anda ingin menggunakan ubat ini pada kanak-kanak yang berumur 12 tahun ke bawah.

- Bila perlu digunakan

Apabila tanda-tanda sakit otot atau sendi muncul.

- Berapa lama perlu digunakan

Beritahu doktor anda jika kesakitan anda tidak berkurangan selepas 7 hari penggunaan.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatnya.

Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Tiada kes berkaitan dos berlebihan telah dilaporkan. Namun, jika dos berlebihan berlaku disusuli dengan tanda-tanda klinikal yang jelas (contohnya: Ruam, Kemerahan, Bengkak, Gatal), hentikan penggunaan dan rujuk doktor atau ahli farmasi.

## Semasa menggunakan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika anda ingin mula menggunakan ubat baru yang lain, maklumkan ahli farmasi atau doktor anda yang anda sedang menggunakan COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan gunakan ubat ini untuk kulit yang cedera atau gatal-gatal (e.g. luka, ruam dan terjemur).

Jangan gunakan ubat ini di sekeliling mata, selaput berlendir, atau ekzema.

Jangan gunakan ubat ini bersama-sama dengan ubat untuk kegunaan luaran yang lain pada bahagian yang sama.

Elakkan balut bahagian yang terlibat secara tegang atau elakkan memanaskan bahagian yang terlibat dengan peralatan pemanas seperti selimut elektrik dan peranti lain.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika kulit anda sensitif, elakkan penggunaan berulang-kali pada bahagian yang sama.

**Kesan-kesan sampingan**

COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION mungkin mempunyai kesan sampingan yang tidak diingini pada sesetengah orang. Berhenti menggunakan ubat ini dan beritahu doktor anda dengan segera jika ada antara kesan-kesan sampingan berikut berlaku:

- Ruam
- Kegatalan
- Kemerahan
- Letusan

Jika anda mendapati kesan lain yang tidak disenaraikan di atas, hubungi doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

**Cara penyimpanan dan pelupusan  
COUNTERPAIN ROLL ON  
TOPICAL LOTION**

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.  
Simpan di tempat yang terlindung daripada cahaya.  
Jauhi dari api.  
Simpan jauh daripada jangkauan kanak-kanak.

- Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

COUNTERPAIN ROLL ON TOPICAL LOTION adalah cecair yang tidak berwarna dan boleh didapati dalam botol 100ml.

- Bahan-bahan kandungan

*Bahan aktif:*

Glycol Salicylate 2.5% w/v, 1-Menthol 3.0% w/v

*Bahan tidak aktif:*

Benzyl Nicotinate, Vanillyl Butyl Ether, Carbomer copolymer, Isopropyl Myristate, Alcohol, Triethanolamine 99%, Purified water

- Nombor MAL  
MALXXXXXX

**Pengilang**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
**di bawah kuasa** Taisho  
Pharmaceutical Co., Ltd., Tokyo,  
Japan

**Pemegang Pendaftaran Produk**

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohamed 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

**Tarikh kemaskini RiMUP**

11 Julai 2025

**Nombor Siri**

NPRA (R2) 25/078